

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN MELAKA**  
**BIL.2/2025**

---

**GARIS PANDUAN CARTA ALIR PERMOHONAN HAKMILIK STRATA**  
**DI NEGERI MELAKA**

---

1. Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pentadbir Tanah, Pandaftar Hakmilik, Pengarah Ukur Negeri Melaka, Pemaju, Jurukur Tanah Berlesen, Peguam dan mana-mana pihak yang membuat urusan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Melaka mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang telah bersidang melalui risalat MMKN P.14 2B/19/2021 pada 23 Jun 2021 dan telah disahkan pada 30 Jun 2021. Melalui risalat MMKN P.14 2B/19/2021, MMKN telah bersetuju dan meluluskan Garis Panduan Carta Alir Permohonan Hakmilik Strata di Negeri Melaka.
2. Sebagaimana Seksyen 8(1) Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] memperuntukkan bahawa "*pemilik asal mana-mana tanah beri hakmilik yang di atasnya terdapat bangunan yang boleh dikeluarkan hakmilik strata hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) dan (3), memohon mengikut subseksyen 8A(1) dan 9(1) untuk membuat pecah bahagi bangunan atau tanah itu jika pada bila-bila masa dia telah menjual atau bersetuju untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan atau tanah itu kepada mana-mana orang*". Berdasarkan peruntukan di atas, pemilik tanah dan pemaju secara rasminya perlu melantik Jurukur Tanah Berlesen (JTB) di bawah Lembaga Jurukur Tanah Malaysia bagi menjalankan proses permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS), Pemfailan Jadual Petak dan seterusnya membuat Permohonan Pecah Bahagi Bangunan dan Pendaftaran Hakmilik Strata ke Pentadbiran ini.
3. Bagi tujuan itu, JTB yang dilantik akan mendaftar serta dikenakan deposit fi ukur di Lembaga Jurukur Tanah Malaysia bagi tujuan pemantauan kerja ukur. Untuk makluman jua, Pentadbiran ini **tidak bertanggungjawab**

terhadap permohonan yang ditolak akibat kegagalan pihak Jurukur Tanah Berlesen dan Pemaju dalam mengemukakan dokumen yang lengkap serta teratur seperti garis panduan dan senarai semak yang telah disediakan serta mengikut akta yang telah ditetapkan. Manakala, sebarang urusan sebelum permohonan lengkap dikemukakan juga adalah di luar bidang kuasa Pentadbiran ini.

4. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini ingin menarik perhatian semua pihak terlibat supaya dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan secara teratur serta mengikut garis panduan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan tuduhan dan dakwaan kelewatan pengeluaran hakmilik strata ke atas Pentadbiran ini. Bagi perancangan yang lebih tersusun dan teratur, Jurukur Tanah Berlesen yang dilantik boleh menasihati serta memberi cadangan kepada pemilik tanah/pemaju bagi menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh pembeli-pembeli agar membuat permohonan pengeluaran hakmilik strata mengikut tempoh masa serta garis panduan Akta yang telah diperuntukkan.

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”**

**“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK NORAINI BINTI TAWEL)**

Pengarah Tanah Dan Galian Negeri,  
Melaka.

Tarikh: 25 Mac 2025



# CARTA ALIR PENGELUARAN HAKMILIK STRATA

